

# KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN ORANG ASLI SUKU KAUM ORANG KUALA DI RENGIT JOHOR DALAM PERNIAGAAN BARANGAN TERPAKAI

(ENTREPRENEURIAL SKILLS OF ORANG KUALA FROM ABORIGINAL TRIBE IN  
RENGIT JOHOR IN USED GOODS BUSINESS)

Rohayu Roddin  
rohayu@uthm.edu.my

Yusmarwati Yusof

Anizam Mohamed Yusof

Marina Ibrahim Mukhtar

Nurfirdawati Muhamad Hanafi

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja 86400 Batu Pahat, Johor

## Abstrak

*Masalah kemiskinan merupakan isu utama dalam kalangan Orang Asli. Penglibatan Orang Asli dalam bidang keusahawanan merupakan satu pendekatan baru dalam merubah nasib serta ekonomi komuniti mereka. Pihak kerajaan juga telah menyediakan pelbagai peluang dan bantuan kepada komuniti Orang Asli untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Namun jumlah yang menceburkan diri dalam bidang ini masih kurang. Hanya terdapat 393 usahawan Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengikut data pada tahun 2001 hingga 2010. Jumlah ini amatlah sedikit jika dibandingkan dengan bilangan Orang Asli yang terdapat di Malaysia iaitu seramai 178,197 orang pada ketika itu. Antara usahawan yang berdaftar tersebut, terdapat satu komuniti Orang Asli di Rengit, Johor iaitu suku kaum Orang Kuala yang berjaya dalam bidang keusahawanan melalui perniagaan barangan terpakai. Justeru itu, satu kajian telah dilaksanakan dalam komuniti ini bagi mengetahui ciri-ciri keusahawanan komuniti yang membawa kejayaan kepada mereka dalam perniagaan barangan terpakai.*

**Keywords:** Kemiskinan, Kemahiran Keusahawanan, Orang Asli.

## Abstract

*The problem of poverty is a key issue among Orang Asli. Orang Asli involvement in entrepreneurship is a new approach to change their quality of life as well as the economy of their communities. The government has provided many opportunities and assistance to this community to urge them to involve in entrepreneurship. Nonetheless, the number of involvement in this field is still at a low rate. There are only 393 Orang Asli entrepreneurs registered with the Department of Orang Asli (JAKOA) according to data from 2001 to 2010. This amount is very small compared with the total number of Orang Asli in Malaysia, which are 178.197 people at the time. Among the entrepreneurs registered, there is an Aboriginal community in Kamat, Johor, namely the Orang Kuala who has successful in entrepreneurship through used (secondhand) goods. Therefore, a study was carried out to investigate the characteristics of the entrepreneurship that practiced by this community that brought success to them.*

**Keywords:** *Poverty, Entrepreneurship Skill, Aboriginal*

2017 GBSE Journal

## Pengenalan

Isu utama Orang Asli adalah kemiskinan, di mana isu ini sering dikaitkan sebagai punca atau penyumbang kepada isu-isu pembangunan Orang Asli yang lain khususnya isu pendidikan serta kesihatan (JAKOA, 2011b). Selain masalah kemiskinan, perubahan sikap dan cara berfikir masyarakat Orang Asli ialah cabaran terbesar yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha membangunkan Orang Asli. Sejak dahulu lagi, pelbagai pihak melabelkan Orang Asli sebagai masyarakat yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, rendah diri, pemalu, kurang keyakinan diri, tidak menghayati budaya bekerja yang produktif dan berdaya tahan (*resilien*) rendah dalam menghadapi cabaran dan persaingan dari luar. Keadaan ini dikaitkan dengan ciri-ciri peribadi yang merupakan salah satu punca yang dikaitkan dengan kemunduran masyarakat Orang Asli. Mereka mudah merasa selesa dengan hasil yang diperoleh yang menyebabkan mereka kurang terlibat dalam membuat simpanan atau tabungan untuk masa depan (Khairul Hisyam dan Ibrahim, 2007; Mustaffa, 2008).

Statistik kemiskinan sehingga 31 Disember 2010 menunjukkan terdapat seramai 25,235 Ketua Isi Rumah (KIR) telah bebas miskin, mewakili 68.84 peratus berbanding jumlah keseluruhan 36,658 KIR. Manakala, jumlah KIR Orang Asli yang berada di dalam kelompok miskin iaitu mewakili 31.16 peratus yang berjumlah 11,423 KIR di mana seramai 7,321 KIR tergolong dalam kelompok miskin tegar, manakala seramai 4,102 berada di dalam kelompok miskin. Secara perbandingan antara 2000 dan 2010 terdapat peningkatan yang signifikan terhadap peratusan luar miskin KIR Orang Asli iaitu 16.60 peratus meningkat kepada 68.84 peratus. Manakala perangkaan peratusan kemiskinan menurun dari 83.4 peratus pada tahun 2000 kepada 31.16 peratus pada tahun 2010 seperti di Jadual 1.

**Jadual 1** : Kemiskinan KIR Orang Asli dari Tahun 2000-2010

Tahun	Jumlah KIR	Kemiskinan						Terkeluar Miskin	
		Miskin		Miskin Tegar		Jumlah		%	KIR
		%	KIR	%	KIR	%	KIR		
2000	25,337	39.8	10,085	43.6	11,046	83.4	21,131	16.6	4,206
2001	26,198	39.8	10,428	41.03	10,749	80.83	21,177	19.17	5,021
2002	28,476	41.2	11,732	37.88	10,788	79.08	22,520	20.92	5,956
2003*	29,873	41.63	12,435	35.26	10,532	76.88	22,967	23.12	6,906
2007	27,841	18	5,011	32	8,909	50.00	13,920	50.00	13,921
2008	27,841	17.75	4,942	32.34	9,004	50.09	13,946	49.91	13,895
2009	27,841	33.53	9,335	15.47	4,307	49.00	13,642	51.00	14,199
2010	36,658	11.19	4,102	19.97	7,321	31.16	11,423	68.84	25,235

Sumber: JAKOA (2011a)

\*Nota: Data bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 tidak dikeluarkan oleh JAKOA bagi tujuan bancian semula.

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi tujuan membasmi kemiskinan, namun masalah ini masih lagi membelenggu komuniti tertentu terutama yang terpinggir dari arus pembangunan. Kemiskinan telah dijadikan topik perbincangan utama dalam pelaksanaan program pembangunan Negara. Penumpuan terhadap kemiskinan telah menggalakkan pengkaji-pengkaji meneliti pelbagai aspek permasalahan ini termasuklah dari segi faktor-faktor mewujudkan kemiskinan, strategi mengatasinya dan juga keberkesanan program yang telah dilaksanakan (Noor Azizah dan Zalinah, 2005).

Bidang keusahawanan merupakan suatu bidang yang menjadi penyumbang terbesar dalam membangunkan ekonomi negara. Di dalam Hadis Nabi juga ada menceritakan tentang sembilan daripada sepuluh rezeki adalah datangnya dari perniagaan. Ini menunjukkan bidang keusahawanan adalah satu pekerjaan yang murni disamping menjana pendapatan dan ekonomi negara. Kerajaan Malaysia pada hari ini bermatlamat untuk menjadikan bidang keusahawanan terutamanya dalam sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru dan seterusnya membantu ekonomi negara pada abad ke-21. Selain itu, pendidikan keusahawanan turut diterapkan kepada pelajar-pelajar sekolah sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi dalam melahirkan seorang pelajar pencipta kerja yang berpotensi dan bukan pencari kerja. Pemahaman seseorang terhadap aktiviti keusahawanan dapat membantu membuat keputusan menubuhkan sesuatu perniagaan (Abdul Said et al., 2012).

Penglibatan Orang Asli dalam bidang keusahawanan merupakan satu pendekatan baru dalam merubah nasib serta ekonomi komuniti mereka. Pihak kerajaan juga telah menyediakan pelbagai peluang dan bantuan kepada komuniti Orang Asli untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Namun jumlah yang menceburkan diri dalam bidang ini masih kurang. Justeru itu, kajian ini adalah penting dengan mengambil contoh daripada proses kejayaan komuniti Orang Asli dalam bidang keusahawanan perniagaan barangan terpakai sebagai satu tanda aras kejayaan komuniti terpinggir.

## Usahawan dan Keusahawanan

Proses membangunkan seseorang usahawan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti; ciri-ciri seseorang usahawan, kecekapan melibatkan kemahiran dan pengalaman, keadaan struktur organisasi yang di bina dan konteks yang merujuk kepada faktor persekitaran yang boleh memberi kesan kepada penglibatan diri. Menurut Nor Aishah (2006), Blake-Saleh menggambarkan proses pembentukan usahawan dengan menggabungkan faktor personaliti, pengetahuan, mekanisme pengurusan dan kuasa persekitaran. Model ini menerangkan bahawa usahawan memulakan penceburan dengan mengenalpasti tiga perubahan kritikal terhadap persekitaran iaitu; ketidakpastian tentang pengurusan, penapisan pengetahuan dan eksploitasi terhadap perubahan persekitaran. Selepas usahawan itu mendapat idea atau peluang, maka ciri-ciri personaliti usahawan seperti suka mengambil risiko dan mewujudkan rangkaian dan kerjasama akan memotivasikan dan memandu mekanisme-mekanisme seperti inovasi, tarikan pasaran dan daya yang menyebabkan sesuatu berlaku untuk mencapai kejayaan. Model ini menerangkan bahawa usahawan memulakan penceburan dengan mengenal pasti tiga perubahan kritikal terhadap persekitaran iaitu; ketidakpastian tentang pengurusan, penapisan pengetahuan dan eksploitasi terhadap perubahan persekitaran. Selepas usahawan itu mendapat idea atau peluang, maka ciri-ciri personaliti usahawan seperti suka mengambil risiko dan mewujudkan rangkaian dan kerjasama akan memotivasikan dan memandu mekanisme-mekanisme seperti inovasi, tarikan pasaran dan daya yang menyebabkan sesuatu berlaku untuk mencapai kejayaan. Menurut Ab. Aziz (1998) Setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Yang membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadakan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membantu serta membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperoleh.

Manakala keusahawanan pula merupakan satu proses di mana sifat keusahawanan dapat dibentuk apabila seorang usahawan melalui proses: dimulakan dengan keinginan dalaman; berlaku secara tersendiri dan berkumpulan; dirancang atau tidak dirancang; melibatkan perubahan sikap, personaliti dan persekitaran; memerlukan kekuatan fizikal, emosi dan rohani; kesediaan merebut peluang; kesedaran betapa pentingnya peranan sebagai seorang usahawan dan akhir sekali didorong untuk melihat perubahan secara berterusan (Ab. Aziz, 2013). Menurut Yahaya (2014) pula, keusahawanan merupakan kebolehan dan kecenderungan melakukan aktiviti seperti mencari peluang pekerjaan, mengusahakan suatu perniagaan yang boleh mendatangkan faedah kepada diri, keluarga dan masyarakat. Usahawan perlu kreatif, inovatif, dinamik berkebolehan menghasilkan barangan dan perkhidmatan mengikut kehendak pengguna. Justeru ciri-ciri seorang usahawan dapat diukur dari segi inisiatif, kreatif, inovatif, kebolehan menghadapi risiko dan juga orientasi kejayaan. Bagi menjadi seorang usahawan yang berjaya, Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997) telah menyenaraikan ciri-ciri seperti berikut:

- (i) Mempunyai aras tenaga yang tinggi dengan menunjukkan semangat yang cecal dan berkobar-kobar.
- (ii) Ingin melibatkan diri dengan pembaharuan di mana tidak takut kepada perubahan dan menerimanya sebagai cabaran.
- (iii) Berkesanggupan memikul tanggungjawab dan mempunyai cara tersendiri untuk mencapai matlamat.
- (iv) Mempunyai keinginan yang tinggi untuk berjaya.
- (v) Memilih untuk menghadapi risiko yang sederhana dengan memilih kerja yang boleh memberikan cabaran.

- (vi) Mempunyai tanggapan bahawa kejayaan boleh dicapai.
- (vii) Mendapat rangsangan untuk meneruskan kerja melalui maklum balas dari prestasi.
- (viii) Mempunyai daya usaha yang lebih tinggi seperti aktif, mudah bergerak dan bijak menguruskan masa.
- (ix) Berfikiran terbuka dan optimistik. Mereka sering mengharapkan yang positif akan berlaku.
- (x) Mempunyai kemahiran dalam mengelola kerja dan pekerja.
- (xi) Sikap terhadap wang yang berbeza dengan orang lain. Wang dan keuntungan adalah perkara kedua, tetapi pencapaian kejayaan adalah perkara utama yang ingin dicapai.

Justeru itu, setiap orang termasuk komuniti Orang Asli mampu untuk menjadi seorang usahawan. Namun begitu untuk berjaya memerlukan komitmen yang jitu dari individu untuk mengharungi setiap cabaran dan bersikap kreatif dan inovatif untuk lebih bersaing dengan persekitarannya.

### **Masyarakat Orang Asli dan Keusahawanan**

Komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah sebuah masyarakat peribumi minoriti negara ini yang majoritinya masih mengamalkan cara hidup tradisional, iaitu merupakan masyarakat tani dan masyarakat desa (Suki Mee dan Yahaya, 2009). Masyarakat Orang Asli merupakan kaum minoriti penduduk Malaysia dan merupakan satu-satunya komuniti peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia (Ma' Rof, 2010). Mengikut bancian tahun 2010 bilangan Orang Asli ialah 178,197 orang. Kedudukan sosioekonomi sebahagian besar masyarakat Orang Asli masih tertinggal dalam pelbagai bidang berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Dari segi taburan penempatan masyarakat Orang Asli 38 peratus di kawasan pedalaman, 61 peratus di kawasan pinggir dan 1 peratus di kawasan bandar. Mereka terdiri daripada tiga Suku Bangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Tiap-tiap tiga Suku Bangsa ini pula dipecahkan kepada enam Suku Kaum yang mana mereka bertutur dalam pelbagai bahasa selain daripada dialek Melayu tempatan (JAKOA, 2011a).

Orang Asli dikenali sebagai masyarakat yang bergantung hidup kepada hutan dan persekitaran semulajadi luar bandar dengan menjalani kegiatan ekonomi sara diri, seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan (Ramlee, 2008). Pertanian sara diri merujuk kepada pertanian secara kecil-kecilan yang biasa diusahakan disekitar rumah sahaja. Mereka juga menanam pelbagai jenis tanaman lain berbentuk bijirin seperti padi huma, padi seko, ubi kayu, tembakau, jagung, tebu, serai, pisang, durian, rambutan dan sebagainya. Ada juga di antara mereka mengamalkan sistem barter dengan menukar hasil pertanian bagi mendapatkan barang keperluan harian. Aktiviti berburu merupakan pekerjaan kedua bagi masyarakat Orang Asli. Antara hasil buruan ialah tupai, landak, kera, biawak, pelanduk, babi hutan, ayam hutan, burung dan sebagainya. Daripada hasil buruan tersebut akan dijual pada peraih yang datang untuk dijadikan sajian makanan eksotik. Disamping itu, mereka juga menjalankan aktiviti menangkap ikan dan dijual pada pemborong sebagai sumber pendapatan untuk menyara keluarga (Norasmah dan Mohd. Hasril, 2011).

Sumber pendapatan lain bagi masyarakat Orang Asli ialah memungut hasil hutan. Antara hasil hutan yang dijadikan sumber pendapatan ialah rotan, buluh, kayu cendana, damar dan akar-akar kayu. Barangan ini mempunyai nilai yang tinggi di pasaran. Rotan dan buluh dijadikan alat perabot yang tinggi nilai komersilnya di pasaran manakala akar kayu

seperti kayu cendana dijadikan minyak wangi. Akar kayu lain seperti Kacip Fatimah dan Tongkat Ali pula kerap digunakan untuk perubatan secara tradisional di mana mendapat permintaan tinggi dari pemborong dan pengamal perubatan tradisional. Ada juga masyarakat Orang Asli yang mencari petai, kerdas atau jering untuk dijadikan sebagai ulam dan dijual ditepi-tepi jalan dan pasar. Orang Asli juga mempunyai kemahiran dalam mendapatkan madu lebah. Hasil hutan yang diperoleh akan dijual kepada orang tengah dengan harga yang rendah (Norasmah dan Mohd. Hasril, 2011). Justeru itu ruang kerja ini tidak memberikan pendapatan yang tinggi menyebabkan masih ramai Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan.

Pendedahan komuniti Orang Asli kepada bidang keusahawanan telah wujud secara tidak langsung, namun kerana kurangnya ilmu pengetahuan menyebabkan penceburan mereka dalam bidang perniagaan hanya cukup makan dan banyak menguntungkan Orang Tengah. Kelebihan yang ada pada komuniti ini berpotensi untuk menjadikan mereka usahawan yang berjaya di mana ia perlu kepada peningkatan dan pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan agar urusan niaga mereka dapat dikembangkan. Mengikut data daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, terdapat 393 orang yang terlibat dalam keusahawanan melibatkan pelbagai perniagaan termasuk perniagaan barangan terpakai. Terdapat 15 orang ahli masyarakat Orang Asli yang dikhtiraf oleh pihak JAKOA sebagai usahawan berjaya dalam perniagaan barangan terpakai (JAKOA, 2011b). Bagi pengkaji, jumlah ini dijangkakan akan terus bertambah pada masa akan datang.

### **Kemahiran Keusahawanan Masyarakat Orang Asli**

Orang Asli merupakan suku keturunan Melayu Proto atau Melayu Asli. Orang Asli juga dikenali sebagai Orang Laut kerana mereka terlibat dengan aktiviti ekonomi yang berasaskan laut. Orang Asli dipercayai berasal dari kepulauan Riau-Lingga dan kawasan yang berhampiran dengan pantai Sumatera, Indonesia. Mereka ini kebanyakannya tinggal menetap di kuala-kuala sungai di persisiran pantai selatan negeri Johor. Kini Orang Asli tinggal menetap di daerah Batu Pahat dan di daerah Pontian. Terdapat 315 keluarga Orang Asli di daerah Batu Pahat dari 5 buah kampung yang berjumlah 1309 orang dan 4 buah kampung yang berjumlah 214 keluarga yang berjumlah seramai 1018 orang di daerah Pontian (JAKOA, 2017).

Masyarakat Orang Asli dari suku kaum orang Asli merupakan satu kaum yang aktif dalam jualan hasil kraf tangan. Mereka merupakan satu kaum yang menempuh satu proses transformasi apabila kawasan penempatan mula menjadi tumpuan orang ramai termasuk pelancong dari dalam dan luar Negara. Perkampungan ini merupakan sebuah perkampungan nelayan yang telah bertukar menjadi sebuah pusat jualan terpakai. Ianya mula menjadi terkenal apabila masyarakat Orang Asli dan orang Melayu sama-sama berusaha dalam perniagaan tersebut. Di sini terdapat jualan perabot kayu bermutu tinggi, perkakasan elektrik berjenama, perhiasan rumah atau pejabat, permainan kanak-kanak, beg, kasut dan lain-lain lagi. Menurut Pitong Baharom, 30, yang bekerja sebagai nelayan akan melakukan kerja-kerja membaiki pulih barangan terpakai selepas pulang dari laut. Bagi Pitong, dia tidak pernah belajar di mana-mana institusi untuk membaiki barangan elektrik tetapi kemahiran itu datang sendiri apabila setiap hari 'berkawan' dengan barangan berkenaan. Menurutnya, setakat ini dia boleh membaiki pelbagai barangan elektrik.

*"Saya memang tidak tahu bagaimana mahu membaiki kipas angin, periuk nasi, televisyen atau barang audio. Tetapi apabila barang ada di hadapan mata, pandai-pandailah saya buat. Badan saya ini pun kira sudah kebal sebab sudah tidak terkira berapa kali kena kejutan elektrik. Apa pun apabila sudah sering melakukan pekerjaan yang sama, saya jadi mahir sendiri. Kalau nak hantar ke kedai elektrik, mana nak dapat untung..."*

(Utusan Online, 2009).

Sekarang hampir 65% penduduk kampung ini berniaga barangan terpakai dan diwarisi oleh anak-anak mereka. Dengan adanya transformasi ini, masyarakat orang asli mula menuju ke arah usahawan berjaya. Sekarang kerajaan telah mengambil usaha menyusun semula lot-lot perniagaan mereka supaya lebih tersusun. Seramai 40 usahawan Orang Asli yang menjalankan perniagaan barangan terpakai di kampung tersebut menerima kunci lot perniagaan baru yang teratur selepas hampir tiga dekad menjalankan perniagaan di lot perniagaan kayu (Utusan Online, 2009).

Hasil kajian melalui temu bual yang dijalankan bersama 15 orang masyarakat Orang Kuala di Kapung Bumiputera Dalam di Rengit, Batu Pahat, Johor menunjukkan bahawa kebanyakan mereka berniaga barangan terpakai dari turun temurun dan dikembangkan dari ahli keluarga mereka. Selain itu terdapat daripada mereka memperoleh galakkan dari kawan-kawan untuk menceburi satu ruang pekerjaan yang baru. Kemahiran keusahawanan dalam komuniti ini bermula dari peringkat awal lagi di mana terdapat peserta kajian memperoleh pendedahan berkaitan perniagaan barangan terpakai dari sejak usia kanak-kanak apabila membantu ibu bapa mereka berniaga. Mereka juga turut menimba pengalaman apabila bekerja dengan saudara mara. Sebelum ini ramai di antara mereka bekerja sebagai nelayan dan pekerja kilang tetapi sekarang telah beralih arah ke bidang perniagaan barangan terpakai.

Salah seorang peserta kajian menceritakan pada peringkat permulaan urus niaga beliau bermula sejak 30 tahun yang lepas apabila beliau menjual hasil pemrosesan tangkapan laut seperti ikan kering, belacan, keropok dan termasuk tikar pandan yang di jual ke Singapura. Pada ketika itu, terdapat penduduk di Singapura memberi secara percuma barangan mereka yang tidak digunakan lagi kepada beliau seperti periuk nasi, Televisyen, Blender, baju terpakai dan lain-lain lagi sehingga ia menjadi banyak dan menawarkan kepada masyarakat tempatan di Rengit untuk dijual. Usaha beliau itu mendapat sambutan dari masyarakat tempatan. Bermula dari situ, maka urus niaga barangan terpakai ini semakin dikembangkan. Sehingga sekarang bilangan kedai di perkampungan Orang Asli Rengit semakin bertambah. Ini menunjukkan bahawa mereka semakin berkembang dalam bidang perniagaan yang mereka ceburi. Ekoran daripada penceburan dalam perniagaan ini, kemahiran keusahawanan yang ada pada komuniti ini dapat ditingkatkan melibatkan kemahiran berkomunikasi, merancang dan mengurus, menggunakan teknologi terkini bagi membantu promosi dan pemasaran, merebut peluang serta peningkatan pengetahuan teknikal berkaitan barangan perniagaan yang dijalankan.

Telah banyak perubahan yang di kecap ekoran penceburan dalam perniagaan ini terutama dari aspek kemahiran keusahawanan itu sendiri termasuk perancangan aliran tunai debit dan kredit serta urusan perniagaan dengan masyarakat luar. Melalui perniagaan ini juga rangkaian perniagaan mereka semakin berkembang luas dan turut mendapat permintaan dari pemborong luar terutama dari Thailand, Terengganu, Kelantan dan Kedah. Justeru itu, melalui perniagaan barangan terpakai ini telah memberi pengalaman yang baru termasuk dari

aspek berkomunikasi terutama dengan pelanggan dari luar negara. Mereka mula belajar berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di mana ia dapat meningkatkan penguasaan bahasa lain selain bahasa tempatan.

Selain itu, mereka mempunyai ciri-ciri ke arah usahawan yang berjaya seperti berinisiatif, kreatif dan inovatif. Komuniti ini berinisiatif mencari barangan terpakai di Singapura bagi memenuhi permintaan pelanggan. Selain itu, jika kekurangan barangan, mereka akan mengambil dari kedai ahli keluarga yang lain untuk membantu menjualnya. Mereka juga membaiki barangan yang rosak terlebih dahulu sebelum dijual kepada pelanggan. Kebanyakan kemahiran membaiki barang yang rosak diperoleh melalui pengalaman dan usaha cara cuba dan jaya. Selain itu, sikap-sikap positif yang ada pada komuniti ini turut digambarkan melalui sikap berani mencuba, saling bekerjasama, bercita-cita tinggi, mempunyai perancangan kewangan, sanggup mengambil risiko, bersemangat kental dan berfikiran positif terhadap segala cabaran yang dihadapi dalam perniagaan barangan terpakai. Pengalaman yang mereka lalui ini banyak membina keupayaan diri mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya. Mereka sangat memikirkan pengkelan perniagaan mereka untuk jangka masa yang panjang di mana ia akan diwariskan kepada generasi seterusnya.

### **Rumusan**

Hasil dari penceburan komuniti Orang Asli suku kaum Orang Kuala di Rengit dalam perniagaan barangan terpakai telah banyak membawa perubahan kepada mereka terutama dari segi peningkatan infrastruktur, kemudahan asas, pendapatan dan kebendaan. Kebanyakan golongan belia mula berminat dan mempelajari selok belok perniagaan daripada golongan terdahulu untuk menjadikan perniagaan barangan terpakai sebagai sumber rezeki utama. Pengalaman mereka dalam bidang ini telah membentuk pengetahuan yang baru, sikap yang positif serta kepelbagaian kemahiran. Perubahan positif yang berlaku dalam komuniti ini banyak membantu dari segi peningkatan sumber pendapatan dan secara tidak langsung mengeluarkan mereka dari belunggu kemiskinan. Penglibatan komuniti ini dalam bidang keusahawanan boleh dijadikan contoh dan ikutan kepada suku kaum asli yang lain untuk turut terlibat dalam aktiviti keusahawanan.

### **Penghargaan**

Penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di mana penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Vot 1502. Tidak lupa juga kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana memberi kebenaran dan kelulusan pembentangan kertas kerja ini.



## Rujukan

- Ab. Aziz Yusof (1998). *Asas-asas Keusahawanan*. Prentice hall.
- Ab. Aziz Yusof. (2013). *Strategi Usahawan Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Said Ambotang, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Shukri Zain, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip. (2012). *Pendidikan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar : Perspektif dan Cabaran*. Minda Pendidik. 18 Julai 2012.
- JAKOA. (2011a). *Bilangan Usahawan Orang Asli Dalam Pelbagai Bidang Perniagaan Tahun 2001 Hingga 2010*. Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
- JAKOA. (2011b). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli: 2011-2015*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. (2017). *Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli*. Dicapai 2 Mac, 2017, dari <http://www.jakoa.gov.my/>.
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ma' Rof Redzuan. (2010). *Pembangunan dan Kemunduran Komuniti Peribumi: Kes Kemiskinan dalam Komuniti Orang Asli*. In Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (Eds.), *Kemiskinan di Malaysia; Isu Fundamental & Paparan Realiti* (pp. 102-103). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mustaffa Omar. (2008). *Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan Cabaran*. In Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (Eds.), *Orang Asli; Isu, Transformasi dan Cabaran* (pp. 189-190). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Hj. Othman dan Mohd. Hasril Amiruddin. (2011). *Isu dan Cabaran Masyarakat Orang Asli dalam menceburi Bidang Keusahawanan*. Dalam Norasmah Hj. Othman, Halimatun Harun dan Radin Siti Aishah Radin A Rahman (Eds.), *Keusahawanan Pemangkin Kecemerlangan negara dan Kelestarian Hidup* (Pp. 195-196). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aishah Buang. (2006). *Asas Keusahawanan*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Noor Azizah Ahmad dan Zalinah Ahmad. (2005). *Masalah Kemiskinan di Kalangan Wanita*. In Che Su Mustaffa, Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah & Mohamad Sukeri Khalid (Eds.), *Pembangunan: Implikasi Sosial dan Fizikal* (pp. 57). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ramlee Abdullah. (2008). *Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu*. Dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (Eds.), *Orang Asli; Isu, Transformasi dan Cabaran* (Pp. 46). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suki Mee dan Yahaya Ibrahim. (2009). *Pembangunan dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli*. Dalam Yahaya Ibrahim (Ed.), *Komuniti Pembangunan & Transformasi* (Pp. 203). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Online. (2009). *Rengit Lubuk Barang Terpakai*. Dicapai pada 10 mac 2014 dari Artikel Penuh: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0101&sec=Johor&pg=wj\\_01.htm#ixzz2wP4HaxYg](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0101&sec=Johor&pg=wj_01.htm#ixzz2wP4HaxYg) © Utusan Melayu (M) Bhd.
- Yahya Ibrahim. (2014). *Keusahawanan dan Daya Saing dalam sektor Pelancongan Pulau*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias. (1997). *Keusahawanan & Motivasi Diri*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.